

■ Rasuah punca ketirisan subsidi beras

ANGKARA ‘TOCI’

EKSKLUSIF
Metro

> “Memang wujud ketirisan serta penyelewengan dalam penjualan beras subsidi Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15) dan ia berlaku disebabkan rasuah atau bayaran toci.” Itulah kenyataan berani seorang bekas pegawai kanan BERNAS susulan pendedahan bersiri akhbar ini mengenai isu berkenaan sejak 23 Oktober lalu, lapor Muhd Izawan Baharin, Amir Abd Hamid, Yusmizal Dolah Aling dan Rizanizam Abdul Hamid

>>4

Jawab guna kaki



>>10

>>11

TOCI MAKAN BESAR

Oleh Muhd Izawan Baharin,
Amir Abd Hamid, Yusmizal
Dolah Aling dan Rizanizam
Abdul Hamid

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Memang wujud ketirisan serta penyelewengan dalam penjualan beras subsidi Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15) dan ia berlaku disebabkan rasuah."

Demikian kenyataan berani seorang bekas pegawai kanan Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) susulan pendedahan bersiri akhbar ini mengenai isu berkenaan sejak 23 Oktober lalu.

Mohd Roslan Bani Amin yang berkhidmat selama 17 tahun dengan agensi itu dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Jabatan Pembangunan Usahawan dan Penyelidikan berkata, dalam kalangan pemain industri beras sogokan rasuah itu dinamakan bayaran 'toc'i.'

"Istilah toci amat difahami dalam kalangan pemain industri beras. Ia bermaksud wang sogokan yang perlu diberi pemborong beras untuk memastikan mereka kekal mendapat kuota khas beras ST15 atau menambah jumlah kuota diterima," katanya kepada Harian Metro.

Harian Metro sebelum ini mendedahkan 30,000 tan beras ST15 dengan nilai subsidi RM12 juta dibekalkan BERNAS kepada pemborong dipercayai mengalami 'ketirisan' setiap bulan.

Ini kerana, daripada 40,000 tan dibekalkan ke-

■ Bekas pegawai kanan BERNAS dedah penyelewengan kuota beras ST15



LAPORAN Harian
Metro 23 Oktober lalu.

pada 200 pemborong yang layak mendapat subsidi untuk beras ST15 itu, hanya 10,000 tan dijual pada harga subsidi RM1,350 satu tan manakala baki 30,000 tan lagi dijual mengikut harga tanpa subsidi iaitu RM1,750 satu tan.

Lebih mengejutkan, ujian di Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM) terhadap empat sampel beras 10 kilogram mendapati semuanya mempunyai peratusan hancur berkali ganda jauh lebih tinggi daripada dicantikkan pada label.

Mohd Roslan mendakwa, setiap bulan 200 pemborong beras yang layak mendapat harga subsidi akan cuba memberi 'toc'i' kepada pihak tertentu supaya syarikat mereka diberikan kuota yang tinggi untuk membeli beras ST15 daripada kuota yang ditentukan Kawal Selia Padi dan Beras (KPB).

"Kadar bayaran toci ialah RM400 untuk setiap tan beras. Sebagai contoh jika pemborong A mahu mendapat tambahan kuota 500 tan pada bulan Januari, dia



perlu memberi 'toc'i' sebanyak RM200,000.

"Itu baru satu pemborong. Kalau ratusan pemborong terbabit dan jumlah kuota pula sehingga ribuan tan, bukankah jumlah toci menccah jutaan ringgit.

"Pemberian toci dan segala urusan menambah kuota dilakukan secara teratur di lokasi yang berubah-ubah pada bulan berikutnya bagi mengelak ia dihukum pihak berkuasa," katanya.

Menurutnya, bayaran sogokan toci oleh satu syarikat pemborong boleh bermula untuk meningkatkan kuota membekalkan beras ST15 serendah 10 tan dan ada yang menjangkau 1,000 tan.

"Di sinilah punca mengapa 200 pemborong beras yang mendapat kuota ini tidak menjual beras ST15 pada harga kawalan antara RM16.50 dan RM18 untuk sekampt beras 10 kilogram.

"Ini kerana mereka mahu menampung semula kos

“Pembéran toci dan urusan tambah kuota dilakukan secara teratur di lokasi yang berubah-ubah pada bulan berikutnya”

Mohd Roslan Bani Amin

selepas mengeluarkan belanja yang tinggi untuk membayar 'toc'i'. Jadi, kaedah atau taktik dilakukan ialah menukar semua beras ST15 ke dalam kampit beras Super Spesial Tempatan lima peratus hancur (SST5) tempatan atau import.

"Harga pasaran untuk beras SST5 ini jauh lebih tinggi iaitu antara RM22 dan RM36 untuk 10 kg atau RM2,200 hingga RM3,600 setiap tan," katanya.

Mohd Roslan berkata, selain toci terdapat satu lagi istilah iaitu 'toa' yang bermaksud pemborong yang mendapat kuota beras ST15, tidak melakukan pembungkusan, sebaliknya menjual terus kepada pihak ketiga mengikut harga pasaran.

Katanya, perbuatan toci dan toa boleh dielakkan sekiranya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menghapuskan kuota khas berkenaan dan mengembalikannya kepada pemain industri beras yang benar-benar telus menjalankan perniagaan.